



Selasa – 2 Februari 2021

Halaman : 6

Oleh Aizuddin Saad  
am@hmetro.com.my

Segamat

**S**aya mahu anak pandai dan tidak jadi seperti saya, kalau saya pegang sawit, saya mahu dia pegang pen dan bekerja di pejabat satu hari nanti," kata Marina Jita, 36, ibu kepada pelajar Jasmizal Aflee Jaya, 13, yang menuntut di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Bekok di sini, ketika ditemui baru-baru ini.

Marina bersama sekumpulan Orang Asli dari Kampung Orang Asli Kemedak dan Kampung Orang Asli Selai mengambil inisiatif menemani anak mereka mengikuti pelajaran dalam talian di kawasan hutan di Kampung Orang Asli Tamok.

Mereka terpaksa ke kawasan hutan terbabit kerana di situ mempunyai litar internet.

"Kampung kami tiada litar internet, jadi kami terpaksa bergerak ke situ bagi mendapatkan internet.

"Di situ kami mempunyai khemah dibina sejak Mac tahun lalu untuk kegunaan pelajar mengikuti kelas Pengajaran dan Pembelajaran Di Rumah (PdPR)," katanya.

Seramai 20 pelajar Orang Asli dari Sekolah Kebangsaan (SK) Kampung Dukung, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Bekok, SMK Bekok dan seorong penuntut Universiti Teknologi Mara Kampus Segamat memulakan sesi pembelajaran 2021 di situ sejak bulan lalu.

Mereka sebelum ini akur sekolah dan institusi pengajian tinggi tidak beroperasi susulan Perintah Kaw-

# 'Saya pegang sawit, anak pegang pen'

Ibu bapa Orang Asli gigih tempuh perjalanan 15km temani zuriat ikuti PdPR dalam hutan



IBU bapa menemani anak masing-masing untuk mengikuti sesi PdPR di bawah khemah di kawasan hutan di Kampung Orang Asli Tamok, Bekok.



SEORANG wanita Orang Asli melihat kerja sekolah yang dilakukan anaknya.

lan Pergerakan (PKP) namun pada masa sama tetap bersemangat menimba ilmu.

Menurutnya, dia mahu anaknya mengikuti pembelajaran sepenuhnya dan tidak tercicir.

"Saya selalu ingatkan anak saya supaya fokus pada pembelajaran.

"Ketika PKP, saya tidak mahu dia ketinggalan walaupun belajar secara PdPR. Paling penting anak saya kekal bersemangat demi mengubah masa depan kehidupan kami," katanya.

Marina berkata, mereka mendapat sokongan ibu ba-

pa dan masyarakat Orang Asli suku kaum Jakun untuk meneruskan kaedah PdPR di kawasan hutan terbabit.

Katanya, bagi melancarkan PdPR, ada dalam kawangan pelajar berkongsi peranti pintar seperti telefon bimbit dan komputer riba untuk belajar.

"Penduduk Orang Asli mengeluarkan modal sendiri membeli peralatan seperti walkie-talkie untuk berhubungan selain kanvas untuk dijadikan khemah sementara bagi berlindung daripada panas dan hujan," katanya.

Menurutnya, seawal jam 6 pagi, pelajar terbabit sambil membawa peralatan pembelajaran termasuk buku akan berkumpul menaiki motosikal dan menempuh perjalanan sejauh 15 kilometer dengan ditemani ibu bapa menuju ke hutan terbabit bagi mengikuti kelas PdPR.

Katanya, lebih menambah semangat pelajar terbabit apabila mereka melihat ibu bapa menanti penuh sabar sambil membawa bekalan makanan sarapan pagi dan tengah hari untuk memastikan anak tidak kelaparan dan boleh fokus pada pembelajaran.

Pelajar UiTM Kampus Segamat, Zarina Ramli, 19, yang mengambil jurusan Diploma Perniagaan berharap keadaan negara yang di landa pandemik Covid-19 segera pulih kerana tidak sabar untuk kembali belajar bersama rakan di kampus.

"Adakah saya ikuti se si kelas malam bermula dari jam 8 hingga 10 malam sambil ditemani ibu dan penduduk kampung demi menjaga keselamatan," katanya.

